

D056

U B550 A A B
MAHATHIR - RAHSIA R R R

KUALA LUMPUR, 7 DIS (BERNAMA) - - PEMBOCORAN RAHSIA KEPADA SEBUAH NEGARA JIRAN OLEH SEMBILAN ORANG, TERMASUK LIMA ORANG PEGAWAI TENTERA, TIDAK MENJEJASKAN KESELAMATAN NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD H A R I INI.

BAGAIMANAPUN, KATA PERDANA MENTERI, SESIAPA PUN TIDAK SUKA SEKIRANYA ADA ORANG YANG MEMBUAT RISIKAN TERHADAP RAHSIA DI DALAM NEGARANYA.

APABILA DITANYA OLEH PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENGEMUKAKAN PERKARA ITU KEPADA NEGARA BERKENAAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MAHU BERCAKAP MENGENAINYA PADA UMUM.

BELIAU JUGA ENGGAN MENYATAKAN NEGARA MANA YANG DIKATAKAN TERBABIT DENGAN PEMBELIAN RAHSIA KERAJAAN ITU.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB, MENDEDAHKAN PADA PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT SEMALAM BAHAWA LIMA ORANG PEGAWAI TENTERA ITU DAN DUA PEGAWAI AWAM SERTA DUA LAGI RAKYAT ASING DITAHAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) KERANA DIKATAKAN TERBABIT DALAM PENJUALAN RAHSIA NEGARA KEPADA SEBUAH NEGARA ANGGOTA ASEAN.

SEORANG PEGAWAI AWAM YANG PADA MULANYA TURUT DITAHAN BAGAIMANAPUN DIBEBASKAN, KATANYA. - - LAGI

1922MST 07 12 89

D057

U B551 A A B
MAHATHIR - RAHSIA 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA SETAKAT INI HANYA MEREKA SAHAJA YANG DIKETAHUI TERBABIT DALAM PEMBOCORAN RAHSIA ITU.

MENGENAI PEGAWAI AWAM BERKENAAN, BELIAU BERKATA MEREKA MERUPAKAN PEGAWAI AWAM YANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN PERTAHANAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEJADIAN ITU MENUNJUKKAN +KECACATAN+ DALAM KEMENTERIAN PERTAHANAN, BELIAU BERKATA: +KALAU ADA BOCOR ITU, TENTULAH KITA RASA ADA SESUATU YANG TAK BERJALAN DENGAN BAIK.+

KETIKA DITANYA BERAPA LAMA TEMPOH PENAWANAN MEREKA, BELIAU BERKATA TIDAK ADA TEMPOH DITETAPKAN KERANA KERAJAAN SEDANG MENYIASAT PERKARA ITU.

- - LAGI

1923MST 07 12 89

D058

U 8552 AAB
MAHATHIR - RAHSIA 3 KUALA LUMPUR RRR

+DULU SEKALI, SETIAUSAHA POLITIK SAYA JUGA MENDEDAHKAN RAHSIA, KITA MASUKKAN DIA DALAM TAHANAN,+ KATANYA.
MENGENAI KUNJUNGANNYA KE SINGAPURA, SABTU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA BAGI MEMENUHI JEMPUTAN MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN ALUMNI PERUBATAN KING EDWARD VII.
WALAUPUN BELIAU AKRN MEMBUAT UCAPAN PADA MAJLIS ITU, KATANYA, UCAPAN TERSEBUT TIDAK ADA KAITAN DENGAN POLITIK.
+TAHUN LEPAS SAYA JUGA MENGHADIRI MAJLIS YANG SERUPA DI GENTING HIGHLANDS,+ KATANYA. -- LAGI
1924MST 07 12 89

D059.

U B553 AAB
MAHATHIR - RAHSIA 4 KUALA LUMPUR RRR

DI MELAKA, TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, MENYIFATKAN SEBAGAI +KES TERPENCIL+ PENAHANAN SEMBILAN ORANG, TERMASUK DUA RAKYAT ASING, DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) KERANA TERLIBAT MENJUAL RAHSIA NEGARA KEPADA SEBUAH NEGARA ANGGOTA ASEAN.
KERAJAAN AKAN MENYIASAT PERATURAN SERTA LANGKAH-LANGKAH YANG ADA DAN JIKA PERLU IA AKAN DIPERKETATKAN LAGI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP PADA MAJLIS PENERANGAN KHAS UMNO BAHAGIAN KOTA MELAKA, DI SINI.
; TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN MESTI DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT KERANA MALAYSIA TAAT KEPADA UNDANG-UNDANG DAN BELIAU BERHARAP RAKYAT NEGARA INI MEMPUYAI PERASAAN KASIH SAYANG TERHADAP NEGARA.
+RAKYAT NEGARA INI TIDAK BOLEH MENGIKUT JEJAK LANGKAH ORANG-ORANG BARAT KERANA IA TIDAK SESUAI,+ KATA BELIAU.
ENCIK GHAFAR LALU MENGIMBAS KEMBALI SEJARAH KEJATUHAN KERAJAAN MELAYU MELAKA YANG DISEBABKAN OLEH PERBUATAN TALI BARUT PENJAJAH.
+JIKA TABIAT ITU DIAMALKAN, NEGARA AKAN MENERIMA PADAH.+
MENGENAI KESEMUA LAPAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR DARIPADA MCA YANG MENARIK BALIK SURAT PERLETAKAN JAWATAN BERSYARAT MEREKA HARI INI, ENCIK GHAFAR BERKATA IA MERUPAKAN JALAN YANG SEBAIK-BAIKNYA KERANA JIKA HENDAK BERUNDING SECARA PERSAHABATAN, MEREKA TIDAK BOLEH MEMBERI PILIHAN. -- BERNAMA
1927MST 07 12 89